

AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 8 PRINTED SIZE: 124.00cm²

MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 4,732.00

ITEM ID: MY0063755961

REGION: KL

18 MAY, 2025

Curi elektrik lombong bitcoin

Metro Ahad, Malaysia

Curi elektrik lombong bitcoin

Kuala Selangor: Jadikan premis sunyi terletak di luar bandar sebagai lokasi sulit bagi melombong matawang digital secara haram.

Malah sindiket turut melakukan penyambungan haram bagi mencuri tenaga elektrik disalurkan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kegiatan haram itu bagaimanapun dibongkar Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) yang melakukan operasi bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini, kelmarin.

Operasi tertumpu empat premis yang disyaki menjalankan aktiviti melombong mata wang digital secara haram di Taman Industri Alam Jaya dan Pusat Perdagangan Alam Jaya, Bandar Puncak Alam di sini.

MPKS berkata, serbuan itu dilakukan dengan kerjasama TNB bagi membanteras aktiviti perniagaan tanpa lesen serta penyalahgunaan tenaga elek-

Menurutnya, operasi terbabit berlangsung bermula jam 10 pagi hingga jam 2 petang membabitkan seramai 41 anggota daripada kedua-dua agensi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan kemudian mendapati kesemua premis terbabit menjalankan perniagaan tanpa lesen dan menggunakan elektrik TNB secara haram. Jabatan penguatkuasa MPKS turut mengeluarkan empat notis penutupan premis terbabit di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007. Manakala TNB pula bertindak membetulkan pemasangan meter selepas mengesan terdapat unsur pengusikan," katanya.

Pada masa sama, MPKS turut memaklumkan sebanyak 62 mesin dan 18 kipas mesin Bitcoin disita dengan jumlah nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM300,000.